

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

‘Bekerja Bersama Saya’: Implikatur dalam teks ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Oleh

Yusniza Yaakub
yusniza@uum.edu.my

Rohizah Halim
rohizah@uum.edu.my

Mashetoh Abdul Mutalib
mashetoh@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
UUM CAS, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Ucapan politik ialah saluran komunikasi pemimpin dengan yang dipimpin. Melalui ucapan politik, pemimpin meraih sokongan terhadap kekuasaan, merencanakan tindakan dan perancangan masa depan. Komponen pengucapan politik termasuklah apa yang diujarkan secara langsung dan juga tidak langsung. Dalam keadaan tertentu, ucapan tidak langsung lebih memberikan kesan kepada khalayak. Pengucapan tidak langsung atau implikatur ialah satu cabang bidang pragmatik yang mengambil kira hubungan dengan budaya dan masyarakat. Kertas kerja ini akan meneliti perkaitan antara penggunaan implikatur, pengucap dan persekitaran yang melingkari sesuatu ucapan politik. Dengan menggunakan teori implikatur Grice (1975) dan disesuaikan mengikut kerangka implikatur Asmah Haji Omar tentang lakuhan bahasa tak langsung (*indirect speech*), pengkaji akan meneliti tiga teks ucapan perasmian perhimpunan Agung UMNO oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa oleh Tun Abdullah mengambil kira khalayak dan aspek konteks yang lain seperti budaya Melayu. Beliau turut mengaplikasikan bentuk-bentuk implikatur yang sesuai dengan falsafah kepemimpinan beliau.

Kata kunci: Implikatur, pragmatik, ucapan politik, Abdullah Ahmad Badawi, UMNO

ABSTRACT

Political speeches is an avenue for leaders to communicate their ideology with the people that they lead. Through language, leaders attained and exercised power and also gained public approval for future actions. The components of a successful speech include a combination of explicit and implicit language. And in certain situations, what is implied can have even more impact to the audience. Indirect speech or implicature is a area of study in pragmatics that deals with the relationship between language, culture and society. This paper analyses the relationship between the use of implicatures, the speaker and circumstances surrounding the production of political speeches. Using Gricean theory on implicature (1975) that has been adapted to Asmah's implicature framework on indirect speech acts, the study examines three speeches made by Tun Abdullah Ahmad Badawi at the opening ceremony of the UMNO general assembly. The findings show that Tun Abdullah's language use took the audience and Malay culture into account. His usage of implicatures also helped to accentuate his particular brand of leadership.

Keywords: Implicature, pragmatic, political speeches, Abdullah Ahmad Badawi, UMNO

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

1.0 PENDAHULUAN

Kertas kerja ini membincangkan implikatur dalam teks ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Huraian aspek ini menggunakan kerangka yang dicadangkan oleh Grice (1975) dan disesuaikan oleh Asmah Haji Omar (1992) dengan kerangka lakuan bahasa tak langsung yang disesuaikan dengan konteks masyarakat dan budaya Melayu, iaitu *beating about the bush* (berbelit-belit), kiasan, berlawanan dan orang perantaraan. Menurut Nor Hashimah (1992), implikatur dalam erti kata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam sesuatu perbualan. Mesej yang diperoleh ini merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Selaras dengan sifat orang Melayu yang terkenal dengan kesantunan bahasanya, ada kalanya sesuatu yang hendak disampaikan itu tidak seperti yang diucapkan. Hal ini demikian kerana penutur ingin menjaga hati di samping memelihara air muka orang yang dilawan tutur selain daripada dirinya dianggap berbudi bahasa.

Lakuan bahasa tidak langsung ini juga dapat dikaitkan dengan aspek sosiolinguistik dan pragmatik kerana pendengar perlu menyaring, mempertimbang dan memahami mesej yang cuba untuk disampaikan oleh penutur. Penutur akan menginterpretasi maksud mesej yang disampaikan berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya tentang topik tersebut di samping mengaitkan dengan konteks komunikasi serta faktor-faktor sosiobudaya yang lain.

Horn (2004:3) menghuraikan implikatur sebagai “*implicature is a component of speaker meaning that constitutes the aspect of what is meant in a speaker utterance without being part of what is said. What speaker intends to communicate is characteristically far richer than what she said express...*”. Berdasarkan penyataan ini dapatlah dikatakan bahawa implikatur ialah komponen yang hadir dalam pertuturan seseorang yang maksud atau makna yang diimplikasikan oleh seseorang penutur itu berbeza dengan apa yang dikatakannya.

Searle (1975) pula menghuraikan implikatur sebagai *indirect speech act*, iaitu pertuturan yang dinyatakan secara tidak berterus terang. Dalam konteks masyarakat Melayu, implikatur digunakan oleh penutur sebagai landasan untuk menyatakan suatu maksud sebenar bagi tujuan dan maksud yang tertentu seperti ingin menjaga hati atau air muka seseorang penutur di samping mewujudkan kesantunan berbahasa. Begitu juga dalam penyampaian ucapan dasar seseorang pemimpin. Ada perkara yang disampaikan tidak dinyatakan dengan jelas tujuan menjaga hati dan perasaan khalayak khususnya orang yang dipimpin, di samping menonjolkan kesantunan berbahasa.

Kajian ini diharapkan dapat menambahkan pengetahuan dalam bidang bahasa dan kajian wacana, terutamanya dalam menunjukkan kehadiran aspek-aspek implikatur dalam pembinaan teks dan wacana. Dapatkan kajian ini juga diharapkan akan menambah kepada peluasan pengetahuan dalam penghasilan sesebuah teks secara umum dan teks ucapan secara khusus. Selain itu, melalui pemilihan teks yang diatribusikan dalam tempoh tertentu, satu bentuk kesimpulan akan dapat dibentuk tentang pengaruh individu dan masa dalam memahami dengan lebih mendalam tentang peranan implikatur dalam pembentukan teks dan penyampaian ideologi.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

- 2.1 Mengenal pasti implikatur yang terdapat dalam teks ucapan Tun Abdullah
- 2.2 Menghurai dan menganalisis implikatur yang terdapat dalam teks ucapan tersebut.

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

3.0 KAJIAN-KAJIAN LALU TENTANG IMPLIKATUR.

Kajian mengenai implikatur atau ketersiratan makna ujaran telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar negara mahupun tempatan. Di Malaysia, Kajian mengenai implikatur pernah dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1991, 1992), Fatimah Subet (1999), Maimunah Ibrahim (1999), Mustafa Atan (2010), Nor Hashimah Jalaluddin (2012), Indirawati Zahid (2012), Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin (2013), Wong Shia Ho (2014), Nor Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah jalaluddin (2016) dan Fatin Rabia Abdul Kadir & Zaitul Azma Hamzah (2017).

Nor Hashimah (1991) menjalankan kajian mengenai aspek ketersiratan makna dan telah menggunakan konsep implikatur bagi menjelaskan ketersiratan makna ujaran orang Melayu yang menyampaikan mesej dengan cara yang paling sopan, iaitu berselindung disebalik kata-kata yang manis walaupun mungkin perkara yang ingin disampaikan itu kurang menyenangkan. Selain itu, Nor Hashimah (1992) sekali lagi menjalankan kajian tentang implikatur dengan mengkaji bahasa yang digunakan sewaktu aktiviti perniagaan dalam kalangan orang Melayu. Hasil kajian beliau mendapati penggunaan implikatur dapat membantu peniaga untuk menambat hati pelanggan berkunjung kembali membeli barang jualan di premis tersebut, di samping menguntungkan kedua-dua belah pihak peniaga dan pelanggan.

Fatimah Subet (1999) mengkaji implikatur yang wujud dalam pantun Melayu Sarawak. Kajian beliau mengkhususkan kepada makna yang melangkaui makna literal atau makna tersurat dalam pantun dengan mengambil kira pengguna dan penggunaannya. Hasil kajian menunjukkan sepuluh jenis strategi penggunaan implikatur terdapat dalam pantun Melayu Sarawak. Antara strategi yang ditemui ialah strategi menyatakan kerisauan, strategi untuk mencabar seseorang atau menyahut cabaran, strategi menyindir, memberi nasihat dan menyatakan kekesalan. Beliau melihat kewujudan implikatur tersebut berdasarkan konteks penggunaannya, iaitu konteks sosial seperti hubungan kekeluargaan, hubungan suami isteri serta persahabatan dan konteks keagamaan.

Mustafa Atan (2010) mengkaji aspek ketersiratan makna sesuatu ujaran dalam filem. Beliau menggunakan ujaran watak dalam filem seniman agung P.Ramlee sebagai data kajian dan telah membuktikan bahawa pengkajian bahasa dalam konteks ilmu pragmatik amat luas dan dapat diteroka dengan pelbagai bahan seperti filem. Mustafa Atan (2010) berpendangan bahawa makna sebenar ujaran berimplikatur dalam filem wajar dikaji dan dianalisis secara mendalam kerana keupayaan mentafsir setiap ujaran yang diucapkan oleh watak dapat membantu penonton dan pendengar memahami keseluruhan cerita dan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Indirawati Zahid (2012) telah memfokuskan kajian beliau terhadap aspek kesantunan Melayu ke arah bebas konflik. Beliau telah membincangkan aspek kesantunan bahasa dalam masyarakat dan fungsinya sebagai menjaga air muka. Dalam konteks implisit, beliau telah menggunakan lakuhan bahasa tak langsung atau *indirectness* yang digunakan untuk menyampaikan maksud tertentu. Indirawati (2012) berpendapat ramai sarjana berpandangan bahawa lebih implisitnya sesuatu lakuhan bahasa, maka lebih dianggap santun lakuhan bahasa tersebut. Kajian beliau dilihat sangat signifikan dengan keperluan aspek kesantunan berbahasa dalam masyarakat melalui penggunaan kata-kata yang implisit, selaras dengan situasi kesantunan bahasa dalam konteks menjaga air muka seseorang mutakhir kini yang menunjukkan gejala yang membimbangkan dalam media sosial seperti *facebook*, *youtube* dan *twitter*.

Wong Shia Ho (2014) telah mengkaji penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman bagi memperlihatkan kebijaksanaan Tunku menggunakan simbol bagi menyampaikan mesej kepada pendengar. Simbol dalam konteks perbincangan beliau ialah objek yang bersifat maujud dan berada

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

dalam pengetahuan sedia ada atau catatan ensiklopedia pendengar. Penggunaan objek dalam menyampaikan mesej ini dapat membantu pendengar menginterpretasi makna implisit yang ingin disampaikan. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa penggunaan simbol dalam ujaran mampu diinterpretasi oleh pendengar sebagaimana yang diinginkan oleh Tunku.

Nur Afiqah & Nor Hashimah Jalaluddin (2016) menyelidik mengenai deria rasa masam, masin, manis dan pahit dalam kiasan Melayu. Pengkaji menghuraikan makna implisit dan makna implisit kompleks bahasa kiasan khususnya peribahasa dan kaitannya dengan akal budi Melayu. Kajian telah mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisif yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Hasil kajian mendapat bahawa kiasan Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya dan akal budi Melayu. Ketersiratan makna masam, manis, masin dan pahit serta makna yang berasosiasi dengan rasa dapat dicungkil dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) membincangkan tentang ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti ujaran yang terdapat dalam filem klasik ‘Sri Mersing’ dan menganalisis makna implisit tersebut dengan menggunakan teori relevan. Hasil kajian mendapat, terdapat lima petikan ujaran dalam filem tersebut mempunyai makna implisit. Elemen implisit tersebut telah mendedahkan keperluan memahami ujaran yang disampaikan dengan menggunakan konteks dan kesan konteks. Dapatkan kajian mereka memperlihatkan pemahaman masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu yang kaya dengan ujaran dan makna implisit, di samping kajian ini juga menonjolkan keindahan dan keunikan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu tradisional terutamanya sekitar 60-an.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, pengkaji-pengkaji terdahulu telah memanfaatkan kajian mereka terhadap penggunaan bahasa tidak berterus terang terhadap konteks dan budaya Melayu. Walaupun terdapat kajian penggunaan implikatur dalam teks ucapan pemimpin, namun kajian lebih menjurus terhadap aspek semantik dengan mengaplikasikan teori relevan sebagai kerangka kajian. Oleh itu, kajian ini akan cuba untuk menghuraikan penggunaan implikatur/bahasa tidak langsung yang digunakan oleh seorang pemimpin bagi menyesuaikan tujuan ucapan tersebut dengan khalayak pendengarnya berdasarkan kaedah-kaedah tertentu yang terdapat dalam lingkungan masyarakat Melayu.

4.0 DATA KAJIAN

Kajian kualitatif deskriptif ini menggunakan tiga teks ucapan yang disampaikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sewaktu menyampaikan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO. Ketiga-tiga ucapan ini ialah teks ucapan pada tahun 2004, 2006 dan 2009. Ketiga-tiga teks ini dipilih bagi mewakili ucapan sulung beliau sebagai Presiden UMNO (2004) yang menyampaikan harapan dan arah tuju pemerintahan Tun Abdullah. Ucapan pada tahun 2006 sebagai mengimbang kembali harapan beliau dan pencapaian-pencapaian yang telah berlaku, iaitu pada tahun ketiga beliau sebagai presiden UMNO. Akhir sekali, teks ucapan pada tahun 2009 dipilih sebagai mewakili ucapan akhir beliau sebagai presiden UMNO (2009). Teks ucapan ini diperoleh dari buku ‘*Amanat Presiden: Demi Agama, Bangsa dan Negara*’ (Tun Abdullah Ahmad Badawi: 2004-2009) yang diterbitkan oleh Utusan Publication Berhad.

Justifikasi pemilihan teks Tun Abdullah kerana personaliti Tun Abdullah yang dianggap sebagai tokoh yang mengutamakan demokrasi dan menekankan kebebasan bersuara, keadilan dan kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat dan melindungi hak-hak wanita dan minoriti seperti yang terkandung dalam prinsip-prinsip yang ditonjolkannya dalam dasar Islam Hadhari. Selain itu, menurut Radiman Hj. Junaidi & Zaitul Azma Hamzah (2013), Tun Abdullah didapati berfikir dalam

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

bahasa atau budaya Melayu untuk membawa perubahan dalam kepimpinannya. Tun Abdullah juga telah digelar sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan sepanjang pemerintahan beliau. Beliau merupakan pelopor dan pengasas kepada satu konsep baharu dalam pembangunan negara berasaskan kepada kekuatan pembangunan modal insan. Tun Abdullah Ahmad Badawi berpendapat pembangunan modal insan merupakan ciri yang penting kerana ia akan menyempurnakan proses pembangunan fizikal Negara (Jefridin Atan, Muhammad Hilmi Jalil, & Muhammad Hakimi Mohd. Shafai, 2017)

5.0 KERANGKA TEORI

Konsep implikatur ini telah diperkenalkan oleh Grice (1975) dalam *William James Lectures* (1967) di Universiti Harvard dengan tajuk *Logic and Conversation* (1975). Istilah ini kemudiannya menjadi popular dan telah mendapat tempat dalam kalangan ahli-ahli bahasa sama ada di Barat maupun di Malaysia. Menurut Grice (1975) implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melangkaui batas-batas makna literal sesebuah ayat. Implikatur ini dibahagikan kepada implikatur konvensional dan implikatur perbualan. Implikatur konvensional ialah sesuatu perkara atau maklumat yang telah dikongsi bersama oleh masyarakat berdasarkan pengalaman individu atau masyarakat tersebut, manakala implikatur perbualan pula dianggap sebagai kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar dengan membuat andaian-andaan tertentu. Konsep implikatur Grice ini berkait rapat dengan prinsip kerjasama (*co-operative principles*), iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim hubungan dan maksim perlakuan.

Asmah (1992, hlm 175-186) yang menyesuaikan implikatur dengan konteks budaya Melayu menamakan implikatur ini sebagai lakukan bahasa tak langsung membahagikan aspek ini kepada empat, iaitu *beating about the bush* (selepas ini akan dihuraikan dengan konsep berbelit-belit), kiasan, berlawanan dan orang perantaraan. Berbelit-belit ialah penutur menyatakan sesuatu yang tidak berkaitan dengan perkara yang dinyatakan, kiasan pula ialah ucapan yang dikiaskan oleh penutur dengan benda atau perkara lain seperti alam semula jadi dan keindahan alam. Menurut Asmah Hj Omar (1992), kaedah berlawanan merupakan kaedah komunikasi yang digunakan dengan tujuan untuk merendah diri dan mengelak sikap bangga diri kerana sikap tersebut bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu, manakala orang perantaraan ialah penggunaan pihak ketiga sebagai wakil orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa sewaktu mesej tersebut disampaikan

6.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam budaya Melayu dan kebanyakan budaya lain di dunia ini, aspek kesopanan merupakan salah satu daripada cara untuk mewujudkan hubungan yang baik antara sesama individu. Untuk mewujudkan suasana komunikasi yang baik, maka kita perlu mengetahui cara atau kaedah berkomunikasi yang telah digariskan dalam masyarakat tersebut. Masyarakat Melayu amnya telah menggariskan beberapa peraturan atau kaedah berbahasa yang boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan oleh anggota masyarakat sebagai panduan dalam usaha untuk mewujudkan suasana hubungan yang baik sesama individu. Dalam hal ini, peraturan tersebut mengambil kira aspek sosiolinguistik dan pragmatik. Salah satu daripada aspek tersebut ialah implikatur yang dibincangkan dalam kajian ini.

Seseorang pemimpin perlu bijak menyesuaikan penggunaan bahasanya untuk disampaikan kepada pendengar. Hal ini demikian kerana pemimpin merupakan individu yang memainkan peranan dalam menyeru masyarakat dalam usaha menyokong dan bersama-sama barisan pimpinan menggembungkan tenaga memajukan negara. Seseorang pemimpin perlu bijak mengaplikasikan penggunaan bahasa yang sesuai dengan konteks pendengar yang akan disapa mereka. Dalam kajian ini, didapati bahawa Tun Abdullah sangat peka dengan bahasa yang digunakan apabila beliau bijak menggunakan kosa kata yang sesuai terhadap khalayaknya.

Setelah dianalisis, terdapat 19 unsur bebelit-belit dan 28 kiasan telah digunakan dalam ketiga-tiga teks ucapan ini. Tiada unsur ditemui berlawanan dalam ucapan-ucapan ini, manakala Tun Abdullah sendiri

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

telah menjalankan tugas sebagai orang perantaraan dalam ucapan-ucapan ini. Berikut ialah bilangan implikatur yang terdapat dalam teks ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi:

Jadual 1: bilangan implikatur dalam teks ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Tahun Implikatur	Berbelit-belit	Kiasan	Berlawanan	Orang perantaraan
2004	11	16	X	✓
2006	6	4	X	✓
2009	2	8	X	✓
Jumlah	19	28	X	✓

6.1 Berbelit-belit

Ungkapan berbelit-belit bermaksud menyatakan sesuatu yang tidak berkaitan dengan perkara yang dinyatakan. Dalam hal ini, penutur akan menyatakan perkara lain yang tidak mempunyai kaitan dengan perkara yang hendak dinyatakan. Menurut Asmah (1992, hlm,. 176) “*in this category, the speaker takes some few minutes to talk about other things before arriving at his real intention*”. Perkara yang dinyatakan ini merupakan landasan yang digunakan oleh penutur sebagai pembuka komunikasi supaya komunikasi seterusnya berjalan dengan lancar dan kemudian barulah diikuti oleh perkara sebenar yang hendak disampaikan. Contoh berbelit-belit yang diberikan oleh Asmah (1992) ialah apabila seorang isteri yang ingin meminta suaminya membelikan sesuatu dan merasakan apabila dia berterus-terang berkemungkinan permintaannya tidak berjaya, dia akan menggunakan kaedah implikatur. Contoh dialog berbelit-belit yang diberikan oleh Asmah (1992):

Isteri: Langsir ni dah comotlah! Malulah kalau ada orang datang.

Suami: Hai, elok lagi tu.

Isteri: Ah, tengoklah tu! Tak nampakkah? Sini naik, sana turun. Sakit mata tengoknya.

Berdasarkan perbualan ini, perkara yang dinyatakan oleh si isteri sebenarnya berbeza daripada apa yang dimaksudkannya, iaitu isteri tersebut tidak menyatakan secara langsung ingin meminta suami menggantikan langsin yang baru, tetapi mengaitkan dengan langsin yang sudah kotor. Implikatur yang diperoleh daripada ujaran tersebut sebenarnya bergantung kepada konteks perbualan pada masa itu yang hanya difahami oleh pasangan tersebut. Dalam hal ini, apa yang cuba disampaikan oleh isteri tersebut sebenarnya ialah untuk meminta suaminya membeli langsin baharu di rumah mereka.

Selain itu, aspek berbelit-belit ini dapat ditemui dalam pantun Melayu yang mana dalam pantun Melayu terdapat dua rangkap pertama yang dinamakan sebagai pembayang maksud dan rangkap

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

seterusnya pula ialah maksud. Dalam hal ini, ramai yang berpendapat bahawa pembayang maksud itulah yang mencerminkan aspek berbelit-belit, manakala mesej sebenarnya terletak pada dua rangkap akhir, iaitu maksud. Contoh pantun seperti berikut:

*Kalau ada jarum yang patah
Jangan disimpan di dalam peti
Kalau ada silap dan salah
Jangan disimpan di dalam hati*

Pantun di atas menggunakan kaedah berbelit-belit dengan menggunakan pembayang maksud sebatang jarum yang tidak boleh disimpan sekiranya telah patah kerana takut membawa kemudaratian kepada orang, sedangkan maksud sebenarnya ialah pemantun tersebut ingin memohon agar pendengar tidak memendam perasaan atau memaafkan beliau sekiranya pemantun melakukan kesilapan. Berdasarkan pantun ini dapat digambarkan bahawa sifat orang Melayu yang sangat mementingkan penggunaan aspek cakap berlapik bagi menggambarkan kesopanan berbahasa dengan orang yang dilawan tutur.

Contoh penggunaan unsur berbelit-belit dalam teks ucapan Tun Abdullah seperti berikut:

Contoh 1:

Keuntungan tidak sekadar bersumberkan barang yang dihasilkan tetapi melalui idea, melalui penciptaan dan melalui perisian yang menjadi hak milik. Era baru ekonomi global menggunakan kayu ukuran – menggunakan dacing timbangan di peringkat global. Pengeluar barang dari Kangar hingga Johor Bahru, dari Klang hingga ke Tawau, perlu bersaing dengan pengeluar di Shanghai, di Tokyo, di Bangalore, di Los Angeles, di Johannesburg, di Milan dan di Sidney (T1, P49)

Contoh 2:

Saya ingin melihat petani juga dapat menikmati erti kejayaan dan erti kemewahan. Saya berhasrat melihat dompet petani bumiputera dan tas tangan isteri mereka dipenuhi wang untuk mereka dapat melancong dan berbelanja di kota dan di bandar raya. (T1, P31)

Contoh 3:

Sesungguhnya kita wajib mengambil iktibar dari loceng amaran yang berdering kuat, yang menuntut kita untuk bertanya ‘apa yang tersilap’ atau ‘kenapa dan bagaimana kita tersilap’. Jawapan spontan saya terhadap persoalan tersebut ialah ‘kita telah gagal mengurus kejayaan kita sendiri’ bahawa kita terlalu mabuk dilambung ombak kejayaan. Bahawa kita menjadi leka diulit gurindam kejayaan. Bahawa kita merasakan diri kita terlalu kuat. (T3, P17)

Berdasarkan contoh 1, Tun Abdullah sebenarnya mahukan orang Melayu bersaing dan berusaha bersungguh-sungguh membangunkan ekonomi mereka dengan menjadikan pasaran antarabangsa sebagai penanda aras persaingan mereka. Ungkapan ‘era baru global menggunakan kayu ukuran-menggunakan dacing timbangan di peringkat global’ ini mempunyai makna implisit bagi menyatakan harapan Presiden UMNO tersebut terhadap orang Melayu. Beliau menggunakan ungkapan ‘dacing timbangan’ bagi merujuk sukatan/ukuran di peringkat antarabangsa. Begitu juga contoh 2, ungkapan ‘Saya berhasrat melihat dompet petani bumiputera dan tas tangan isteri mereka dipenuhi wang, untuk mereka dapat melancong dan berbelanja di kota dan di bandar raya’ sebenarnya bermaksud Tun Abdullah inginkan para petani Melayu dapat berdiri setaraf dengan kaum-kaum lain yang dianggap

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

taraf ekonomi mereka lebih tinggi. Ungkapan ‘dompet petani bumiputera dan tas tangan isteri mereka’ membawa maksud taraf ekonomi/pendapatan mereka. Dalam konteks ini, sekiranya pendengar ingin mentafsir maksud ungkapan Tun Abdullah, mereka perlu mempunyai pengalaman dan pemahaman terhadap topik tersebut.

6.2 Kiasan (*imegery*)

Kiasan bermaksud sesuatu perkara itu tidak disampaikan oleh penutur secara terus terang, tetapi dikiaskan dengan benda atau perkara lain seperti alam semula jadi dan keindahan alam. Menurut ZA’BA (2000), bahasa kiasan ialah cara seseorang individu menyatakan sesuatu perkara dengan mengkiaskan kepada perkara lain dengan menyebutkan bandingan atau tidak menyebutkan bandingan. Bahasa kiasan digunakan untuk menambah kejelasan sesuatu yang diperkatakan atau diceritakan di samping memperkuatkan maknanya.

ZA’BA (2000) telah membincangkan aspek kiasan ini dalam karyanya Ilmu Mengarang Melayu. Menurut beliau lagi, selain untuk menambahkan lagi kejelasan sesuatu yang diperkatakan, kiasan juga digunakan untuk memperindahkan sesuatu ucapan atau tulisan kerana bahasa kiasan ini sering menggambarkan kecantikan alam semula jadi dan aspek perbandingan yang diungkapkan itu selalunya amat menarik. Oleh itu, kiasan juga kerap disebut sebagai ‘bungaan bahasa’. Selain itu juga, kiasan juga digunakan untuk berselindung daripada mengungkapkan kata-kata yang berterus terang disebabkan malu atau tidak manis apabila didengar oleh orang lain.

ZA’BA telah membahagikan bahasa kiasan kepada beberapa jenis, antaranya ialah kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan permanusiaan, kiasan berkacau, tamsil, ibarat, kias ibarat dan tamsil ibarat. Menurut Asmah (1992), apabila kita bercakap tentang pantun, maka secara tidak langsung sebenarnya kita memperkatakan tentang kiasan kerana pantun merupakan salah satu daripada saluran komunikasi masyarakat Melayu. Sebagai contoh, pantun digunakan sebagai alat komunikasi ketika majlis peminangan dan majlis perkahwinan. Hal ini demikian kerana dalam majlis-majlis tersebut komunikasi tidak langsung sering digunakan bagi membincangkan perkara-perkara yang dianggap penting untuk memperkuuhkan ikatan sesebuah hubungan. Selain pantun, dalam majlis-majlis tersebut juga kata-kata yang berunsur kiasan seperti *bunga yang sedang kembang di taman* dan *permata di dalam milik tuan* sering digunakan untuk merujuk kepada seorang gadis yang hendak dipinang. Penggunaan kiasan dalam adat peminangan dan perkahwinan ini sebenarnya masih digunakan dan diwarisi hingga kini kerana di samping untuk menyerikan majlis, kiasan juga digunakan untuk memeriahkan lagi majlis tersebut kerana setiap wakil akan cuba untuk mengarang pantun atau mengkiaskannya kepada sesuatu yang menarik perhatian audiens yang mendengar, sekali gus menceriakan majlis tersebut.

Setelah diteliti, teks ucapan Tun Abdullah ini juga menggunakan unsur kiasan. Contoh penggunaan unsur kiasan tersebut ialah:

Contoh 4:

Barisan Nasional di Kelantan tidak lagi ‘melukut di tepi gantang’. (T1, P8)

Contoh 5:

Bahawa kejayaan itu perlu diusahakan secara tekun – secara gigih dan tidak berlaku secara mendadak ‘sikit-sikit lama-lama menjadi bukit’. (T1, P64)

Contoh 6:

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

Selagi Allah SWT memberikan saya petunjuk dan kekuatan, saya berjanji untuk sama sekali tidak akan membawa bangsa menerima *nasib Pak Kadok*, ‘menang sorak; kampung tergadai’. (T2, P26)

Contoh 7:

Juga kita perlu bina dimensi baru lalu kita manfaatkan dengan penuh bijaksana. *Jika terlajak ke hilir berkayuh perahu, kembalilah kita mudik ke hulu; jika terbungk dihujung jalan, kembalilah kita ke pangkal jalan.* (T3, P27)

Berdasarkan contoh-contoh ini, unsur kiasan yang digunakan oleh Tun Abdullah banyak dikaitkan dengan konteks dan budaya Melayu. Contohnya dapat dilihat dalam contoh 4 apabila beliau menyatakan ‘Barisan Nasional Kelantan tidak lagi *melukut di tepi gantang* bagi menunjukkan keadaan parti Barisan Nasional, khususnya UMNO di negeri Kelantan sudah tidak lagi terpinggir pada masa itu kerana kerajaan Persekutuan, khususnya Barisan Nasional telah melaksanakan beberapa program bagi membangunkan negeri Kelantan dan rakyat Kelantan sedikit-sebanyak telah menerima kemasukan Barisan Nasional ke negeri tersebut. Beliau mengaitkan dengan konteks melukut disebabkan sifat melukut itu sendiri yang tidak nampak peranannya kerana sifatnya yang sangat kecil dan orang Melayu faham akan kiasan tersebut. Selain itu, unsur kiasan pada contoh 6, Tun Abdullah mengkiaskan ‘nasib Pak Kadok, ‘menang sorak; kampong tergadai’ bagi menyatakan pendiriannya yang sama sekali tidak akan menerima FDI (pelaburan langsung asing) masuk ke Negara Malaysia kerana beliau khuatir akan timbul pelbagai masalah, khususnya terhadap pembangunan ekonomi negara sekiranya menerima perkara tersebut. Kiasan yang beliau gunakan ini bersesuaian dengan pengetahuan orang Melayu yang amat arif tentang cerita dongeng Pak Kaduk yang membuat perjanjian untuk menyerahkan kampungnya kepada raja sekiranya dia tewas dalam pertandingan menyabung ayam. Dia silap membuat percaturan apabila diminta untuk menukar ayamnya dengan ayam raja. Akhirnya Pak Kaduk kalah akibat tipu helah raja dan kedunguannya sendiri, dan Pak Kaduk terpaksa menyerahkan kampungnya kepada raja.

Selain itu, terdapat juga kiasan moden yang digunakan dalam ucapan Tun Abdullah, contohnya:

Contoh 8:

Usaha menarik pelaburan dan usaha merancakkan pasaran saham secara mapan, tidak boleh mengikut cara memasak ‘*mi segera*’ (T2, P27)

Contoh 9:

Saya pernah menyebut tentang kehadiran ‘*Napoleon Kecil*’ dalam perkhidmatan awam. Masih terdengar rungutan akan kehadiran ‘*Napoleon Kecil*’ yang menggunakan pakai undang-undang sendiri (T2, P48)

Berdasarkan contoh 8, Tun Abdullah menggunakan ungkapan ‘*mi segera*’ bagi menyatakan nasihat beliau kepada para pengeluar supaya berusaha dengan sebaik mungkin dan teliti dalam membuat sesuatu perkara, bukan sambil lewa sahaja. Dalam hal ini, Tun Abdullah mengandaikan bahawa semua peserta dalam perhimpunan itu mempunyai pengalaman tentang konsep ‘*mi segera*’ yang hanya mengambil masa yang singkat untuk disediakan dan boleh disediakan secara sambil lewa sahaja. Begitu juga kiasan yang digunakan dalam contoh 9 apabila Tun Abdullah menggunakan kiasan yang tiada dalam budaya Melayu, iaitu ‘*Napoleon Kecil*’ bagi mengkiaskan kepada individu yang suka membuat keputusan dan undang-undang sendiri. Walau bagaimanapun, dalam contoh 9 berkemungkinan besar ada perwakilan yang kurang memahami konsep ‘*Napoleon Kecil*’ yang diucapkan oleh Tun Abdullah kerana tidak semua mengetahui tentang sejarah atau sifat Napoleon yang

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

diungkapkan oleh Tun Abdullah tersebut. Oleh itu, sekiranya mereka ingin memahami maksud yang ingin disampaikan, maka mereka perlu mengkaji sejarah Napoleon Bonaparte, iaitu seorang individu yang memperjuangkan revolusi di Perancis dan bercita-cita tinggi ingin seluruh menguasai dunia.

6.3 Orang perantaraan (*surrogate*)

Penggunaan orang perantaraan bermaksud terdapat pihak lain, iaitu pihak ketiga yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa sewaktu mesej tersebut disampaikan. Hal ini berlaku apabila terdapat orang tengah digunakan untuk menyampaikan mesej kepada penerima kerana penutur tidak dapat atau tidak berupaya untuk menyampaikan mesej secara langsung atau bersemuka dengan pendengar disebabkan perasaan malu atau rendah diri terhadap penerima mesej tersebut.

Situasi penggunaan orang perantaraan sering terjadi apabila penyampai mesej merasakan bahawa terdapat suatu jarak di antara dirinya dan penerima mesej. Jarak tersebut mungkin disebabkan oleh status sosial, umur dan sebagainya. Dalam hal ini, jarak tersebut akan menyebabkan perhubungan antara penyampai dan penerima mesej agak terbatas dan memerlukan pihak lain yang dirasakan mampu untuk berkomunikasi dengan penerima mesej tersebut. Sebagai contoh dalam masyarakat Melayu, seorang ibu mertua mungkin merasa tidak selesa untuk menyampaikan sesuatu kepada menantu lelakinya, oleh itu dia akan menggunakan orang perantara, iaitu anak perempuan atau isteri kepada lelaki tersebut untuk bercakap bagi pihaknya.

Setelah dianalisis, dalam konteks teks ucapan Tun Abdullah sebenarnya merupakan perantara barisan pimpinan UMNO dan ahli-ahlinya. Beliau merupakan individu yang mempunyai autoriti untuk menyampaikan hasrat parti, seterusnya Negara kepada khalayak pendengar. Apa sahaja yang diucapkan oleh beliau akan menjadi panduan oleh ahli-ahli parti.

Contoh 10:

Saya percaya, saya menyerahkan tanggungjawab negara kepada nakhoda lebih muda yang memiliki kematangan dan pengalaman untuk mengemudikan bahtera negara. Saya menyeru supaya beliau diberikan sokongan padu yang membolehkan beliau membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih gemilang (T3, P49)

Dalam contoh 10 di atas, Tun Abdullah sebagai perantara barisan pimpinan UMNO menyeru kepada para perwakilan supaya memberikan kerjasama dan sokongan kepada pengganti beliau. Dalam hal ini, kata-kata Tun Abdullah akan lebih diterima oleh pendengar kerana beliau mempunyai kuasa sebagai pemimpin di samping sifat beliau yang sangat bertoleransi dan akan menyebabkan pendengar akan mengikuti kata-kata beliau.

Berdasarkanuraian di atas, didapati bahawa penggunaan implikatur ini perlu mengambil kira semua aspek dalam masyarakat seperti sosiolinguistik, pragmatik dan budaya masyarakat tersebut. Ketigatiga aspek ini sering berkaitan bagi mewujudkan sebuah komunikasi tidak berterus terang dalam masyarakat. Dalam hal ini dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan implikatur dalam teks ucapan Tun Abdullah menggambarkan aspek perlakuan masyarakat Melayu yang sering menggunakan ungkapan berselindung bagi menjaga hati dan perasaan orang yang mendengar ucapan tersebut agar tidak berkecil hati, di samping menonjolkan kesantunan berbahasa sesuai dengan personaliti beliau yang mempunyai pengetahuan agama dan budaya yang luas.

7.0 KESIMPULAN

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

Kekuatan sesuatu implikatur sebenarnya banyak bergantung terhadap sebanyak mana maklumat tersirat yang disampaikan oleh seseorang individu itu mampu digapai oleh penerimanya tidak kira sama ada pembaca atau pendengar. Pembaca atau pendengar mampu menginterpretasi makna ujaran sekiranya mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap perkara yang dibicarakan. Hasil kajian mendapati, pewacana banyak memanfaatkan unsur kiasan dalam ucapan beliau kerana dalam konteks kajian, pewacana tersebut mengetahui dan memahami akan sifat orang Melayu yang suka berkias apabila hendak menyampaikan sesuatu perkara, khususnya teguran kepada orang yang dilawan tutur. Selain itu, ungkapan berlawanan tidak ditemui dalam data kajian kerana sekiranya dikaitkan dengan konteks masyarakat kini, konsep berlawanan jarang sekali digunakan kerana mereka lebih suka berterus terang untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Secara keseluruhannya, Tun Abdullah sebagai perantara antara barisan pimpinan dan rakyat, khususnya ahli UMNO mengambil kira khalayak dan aspek konteks yang lain seperti budaya Melayu dengan mengaplikasikan bentuk-bentuk implikatur yang sesuai dengan falsafah kepimpinan beliau yang mengamalkan konsep toleransi.

Nota: T merujuk teks: T1 (2004), T2 (2006), T3 (2009)

P merujuk perenggan

RUJUKAN

Abd. Rahman Aziz & Mustapa Kassim. (2009). *Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara (Tun Abdullah Ahmad Badawi, 2004-2009)*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Amirah Ahmad, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur dalam kes pembunuhan Norita Shamsudin: Analisis Teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 13 (1).

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fatimah subet. (1999). *Implikatur dalam pantun Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik universiti Malaya.

Fatin Rabiha Abdul Kadir, & dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaram implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International journal of language education and applied linguistics (IJLEAL)*, 6, 13-24.

In Press, Accepted Manuscript – Note to users

Grise, H.P. (1975). Logic and Conversation. In P. Cole, & J.L. Morgan (Eds.) *Syntax and semantics 3 : Speech acts*. New York: Academic Press.

Horn, L.R. (2004). *The handbook of pragmatics*. Blackwell:Oxford.

Indirawati Zahid. (2012). Kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik. Dlm. Marlyna Maros, Mohd. Fadzeli Jaafar, & Maslida Yusof. (Peny). *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa*, 170-189. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jefridin Atan, Muhammad Hilmi Jalil, & Muhammad Hakimi Mohd. Shafai. (2017). Analisis kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi terhadap pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Hadhari edisi khas (2017)*. 195-212.

Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam filem Tan Sri P.Ramlee*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan ujaran: Satu analisis teori relevans. *Jurnal dewan bahasa*. 474-83.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal komunikasi*,32 (1), 189-206.

Radiman Hj. Junaidi & Zaitul Azma Hamzah. (2013). Wacana kepimpinan dalam ucapan Abdullah Ahmad Badawi. *Jurnal bahasa*, 13 (1), 128-150.

Searle, J.R. (1975). Indirect Speech Acts, pp. 59-82, in: Cole, Peter & Jerry L. Morgan (Eds). *Syntax and semantics, Vol. 3: Speech act*. New York: Academic Press.

Wong Shia Ho. (2014). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal bahasa*, 14 (1), 60-92.

Zainal Abidin bin Ahmad (ZA'BA). (2000). *Pelita bahasa Melayu I,II,III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.